

# Daun betik bantu tingkat paras platelet sudah diuji pakar

Saya merujuk kepada artikel 'Pakar farmasi dakwa daun betik beracun' yang disiarkan BH pada 28 Januari lalu, yang mana daun betik yang sudah lama digunakan untuk membantu rawatan denggi didakwa mengandungi sejenis racun dikenali sebagai *Cyanogenic Glycoside*.

Apa itu *Cyanogenic Glycoside* atau *cyanoglycosides*. Ia adalah antara toksin tumbuhan yang dikenali sebagai *cynogens* iaitu bahan yang boleh menghasilkan *hydrogen cyanide*. Antara jenis *cyanogenic glycosides* adalah *Linnamarin* yang terdapat dalam ubi kayu dan jenis *Amygdalin* yang terdapat dalam biji buah-buahan seperti biji epal.

Bahan *cyanogenic glycoside* ini juga terdapat dalam tumbuh-tumbuhan yang dijadikan sebagai makanan seperti pucuk daun ubi kayu, akar ubi kayu, rebung, badam dan buah aprikot. Bagaimanapun, selepas proses basuhan, rendaman dan rebusan, kadar *cyanogenic glycoside* dalam tumbuh-tumbuhan makanan ini akan berkurangan ke tahap yang selamat.

## Nilai perubatan tinggi

Pucuk daun betik sudah lama diambil sebagai ulam dan mempunyai nilai perubatan yang tinggi. Ekstrak ataupun teh daun betik dilaporkan mempunyai potensi sebagai antitumor. Daun betik sudah digunakan dalam perubatan tradisional sejak dahulu lagi sebagai pencegah ke-

## E-MEL PEMBACA

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: [bhforum@bh.com.my](mailto:bhforum@bh.com.my)

hamilan semula jadi, membantu penghadaman, merawat masalah haid dan masalah kecacingan. Selain itu, pada masa dahulu, daun betik digunakan sebagai rawatan kencing manis dan untuk menurunkan berat badan.

Banyak kajian perubatan, tradisional dan semula jadi dilakukan terhadap kegunaan daun betik dalam rawatan pelbagai penyakit. Selain bidang perubatan, daun betik juga banyak digunakan oleh suri rumah dan pakar masakan untuk melembutkan daging sebelum dimasak.

Dalam perubatan moden pula, enzim papain dari daun dan buah betik digunakan untuk menghasilkan tablet papase yang banyak digunakan di hospital untuk mengurangkan keradangan. Jika anda biasa diberikan tablet berwarna hijau oleh doktor untuk mengurangkan bengkak. Bila

## Pakar farmasi dakwa daun betik beracun

Kandungan sangat bahaya, tak sesuai jadi penawar denggi

Oleh Wan Nur Faliqha Wan Hassan  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

■ Kuala Lumpur

Seorang pakar farmasi semalam mendakwa daun betik yang digunakan dalam perubatan herba dan penawar denggi, sebenarnya mengandungi se-



jenis racun dikenali 'Cyanogenic Glycosides'.

Racun itu, kata Perunding Farmasi dan Naturopath, Prof Dr Ananthan Krishnan, akan membebaskan hidrogen sianida dalam



daun betik untuk menghalang proses pengoksidaan sel yang boleh menyebabkan kematian.

"Menurut beberapa kajian, apabila kandungan daun betik dihidupkan dalam perut, ia akan menjadi sianida. Sianida berbahaya kepada badan sehingga boleh membawa maut kerana keupayaan organ untuk berfungsi.

### Kerosakan hati

"Ada beberapa kes pesakit mengalami kerosakan hati dan buah

pinggang lemah sehingga dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU)," katanya pada sidang media diator Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), di sini, semalam.

Beliau berkata, daun betik sebenarnya tiada khasiat, terutama bagi meningkatkan sistem imuniti dalam tubuh penghidap denggi.

"Saya juga ada berbincang dengan beberapa pakar yang bersejua daun betik sangat berba-

dikunyah rasanya seperti betik, itulah enzim papase yang diambil dari pokok betik.

Adakah daun betik beracun? Kajian toksikologi ke atas daun betik dijalankan Dekan Fakulti Farmasi **Universiti Kebangsaan Malaysia**, Profesor Dr Ibrahim Jantan, bersama kumpulan penyelidik dalam kajian bertajuk *Safety Evaluation of Oral Toxicity of Carica Papaya Leaves* pada 2014.

Hasil kajian ini mendapati pemberian ekstrak daun betik selama 13 hari kepada tikus makmal pada dos yang bersamaan dengan 14 kali ganda kuantiti daun betik yang biasa digunakan dalam amalan perubatan tradisional tidak menyebabkan apa-apa kesan toksik.

Dalam kajian kes dilaporkan oleh Nisar Ahmad dari Pakistan seperti disiarkan dalam *Asian Pacific Journal of Tropical Biomedicine* yang bertajuk 'Ekstrak Daun Betik Dalam Rawatan Demam Denggi' mendapati ekstrak daun betik mempunyai potensi membantu merawat demam denggi berdasarkan perasaan pesakit dan laporan ujian darah yang menunjukkan kenaikan paras platelet dalam darah.

Kajian klinikal penggunaan

daun betik untuk rawatan demam denggi juga dijalankan Dr Soobitha Subenthiran dari Institut Penyelidikan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia. Kajian ini dijalankan ke atas 228 pesakit yang dijangkiti demam denggi dan demam denggi berdarah di Wad Denggi, Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang, Selangor. Keputusan kajian ini mendapati ekstrak daun betik dapat meningkatkan paras platelet dalam darah pesakit demam denggi.

### Video sedia jus daun betik

Sudah pasti, keselamatan dan kajian toksikologi ke atas ekstrak daun betik ini dijalankan terlebih dahulu sebelum Jawatankuasa Etika Kajian memberi kebenaran untuk kajian ini dilakukan ke atas manusia ataupun pesakit.

Hasil kajian ini juga, Pusat Penyelidikan Klinikal, Kementerian Kesihatan mengeluarkan brosur dan video panduan menyediakan jus daun betik untuk orang ramai yang dijangkiti demam denggi.

Bagaimanapun, ekstrak daun betik ini bukanlah menjadi rawatan kepada demam denggi sebaliknya hanya membantu meningkatkan paras platelet dalam

darah yang menurun selain menambahkan cecair dan memberikan rasa selesa kepada pesakit yang dijangkiti demam denggi.

Kematian akibat demam denggi sebenarnya berpunca daripada kebocoran plasma darah yang berlaku apabila tekanan darah menjadi terlalu rendah dan tidak sampai ke jantung.

Risiko kematian akibat demam denggi ini dapat dikurangkan apabila pesakit mendapatkan rawatan awal di hospital dan diberikan cecair tambahan. Pesakit yang mempunyai tanda-tanda demam denggi hendaklah segera mendapatkan rawatan di hospital dan jangan melengah-lengahkan dengan bergantung kepada rawatan alternatif yang dikatakan dapat membantu pesakit.

Seharusnya seluruh rakyat Malaysia berkerjasama dan berusaha mencegah penularan denggi dengan membersihkan tempat pembiakan nyamuk aedes. Peningkatan wabak demam denggi di Malaysia ini mencerminkan rendahnya tahap kebersihan dan keprihatinan kita.

**Rahman Baco,**  
Pengerusi Persatuan Farmasi Bumiputera Malaysia.

Keratan akhbar BH bertarih 28 Januari 2016 mengenai dakwaan daun betik beracun.